

# Baktisiswa ST Michael Galak Pelajar UMS jadi Sukarelawan

Oleh: Siti Hanisah Sulaiman



Pelajar UMS bersama guru-guru SM ST Michael

KHAMIS, 28 MAC – Kempen Thousand Smile yang pertama kali diadakan diterima baik oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah selama tiga hari program berlangsung.

Menurut Pengarah Program, Nicholas Tay Yau Yung kempen Thousand Smile termasuk di dalam program kerja amal Tri-G di bawah Kelab Rotaract UMS untuk projek perkhidmatan komuniti yang diadakan setiap tahun.

Kempen Thousand Smile untuk memberi motivasi kepada pelajar UMS dan di samping menderma darah dan wang bagi menyokong projek persekitaran dan amal UNICEF yang bakal diadakan.

“Saya membuat kempen thousand smile ini kepada pelajar-pelajar dan warga UMS untuk memberi motivasi kepada mereka dengan cara mengambil gambar mereka dengan pelbagai senyuman dan membuat video untuk dimasukkan ke dalam Youtube,” katanya.

Nicholas Tay turut menjelaskan bahawa disamping itu diadakan kempen derma darah atas kerjasama Hospital Likas untuk tujuan suatu yang bermanfaat kepada masyarakat dan juga pelajar-pelajar.

Dalam program Tri-G tersebut kelab Rotaract UMS berjaya mengumpulkan lebih 800 senyuman daripada pelajar-pelajar UMS, 200 bag darah yang didermakan dan RM1800 wang yang didermakan untuk UNICEF.

Pengarah program yang mengharapkan kejayaan dalam program tersebut berasa amat teruja kerana sambutan yang mereka terima untuk tiga jenis kempen sekali gus amat menggalakkan.